

**10. PENGENAAN BAYARAN-BAYARAN PENALTI BERKENAAN DENGAN :**

- a) Projek-projek yang dikendalikan oleh Agensi-agensi Kerajaan;
- b) Kilang-kilang dalam Zon Perdagangan Bebas;
- c) Bayaran-bayaran penalti tidak dikenakan bagi :-
  - i) Projek-projek bangunan yang dikendalikan oleh Agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun (tetapi ini tidak termasuk agensi-agensi yang diswastakan seperti Syarikat Telekom Malaysia atau projek-projek yang dikendalikan oleh Agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun bagi pihak seorang individu atau sebuah syarikat atau sekumpulan orang swasta);
  - ii) Bangunan-bangunan kilang dalam Zon Perdagangan Bebas; dan
  - iii) Hotel-hotel antarabangsa dan hotel-hotel bertaraf Kelas I. Pengesahan taraf akan diberi sama ada oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan, Unit Perancang Ekonomi atau Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.
- d) Untuk semua jenis projek lain, peruntukan-peruntukan Fasal 17, Jadual Pertama, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 akan terpakai, kecuali dalam kes rumah-rumah jenis pelan setara atau bangunan-bangunan separuh kekal yang luas lantainya 1,000 kaki persegi atau kurang di mana bayaran penalti yang dikenakan hendaklah 5 kali ganda.

Memandangkan hakikat bahawa mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, pengecualian bayaran penalti tidak dapat diberikan, pelan-pelan bangunan mestilah dikemukakan dahulu dan kebenaran Majlis diperolehi untuk memulakan kerja sebelum kelulusan pelan bangunan, dengan syarat permulaan kerja sebelum kelulusan pelan bangunan itu hendaklah dengan risiko pemohon-pemohon itu sendiri.

*(Diluluskan pada 11.2.88)*